

DATE: 19 JULY 2013
PUBLICATION: UTUSAN BORNEO
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: IPO SONA PETROLEUM TERLEBIH LANGGAN SEBANYAK
5.97 KALI
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 76.5 CM²

IPO Sona Petroleum terlebih langgan sebanyak 5.97 kali

KUALA LUMPUR: Tawaran awam permulaan (IPO) Sona Petroleum Bhd, yang membabitkan 141 juta saham serta 141 juta waran satu untuk satu, terlebih langgan sebanyak 5.97 kali.

Dalam satu kenyataan semalam, Malaysian Issuing House Sdn Bhd (MIH) berkata sejumlah 24,035 permohonan untuk 842.27 juta saham bernilai RM421.14 juta, diterima.

Sebanyak 70.5 juta saham diperuntukkan untuk kategori Bumiputera yang

mewakili 50 peratus daripada jumlah saham yang ditawarkan untuk langgan awam, manakala bakinya diperuntukkan untuk kategori awam.

“Sejumlah 8,147 permohonan untuk 243.37 juta saham diterima daripada kategori Bumiputera, yang mewakili langgan 3.45 kali manakala sejumlah 15,888 permohonan untuk 598.90 juta saham diterima untuk kategori awam yang merupakan kadar langgan 8.50 kali,” kata MIH.

— Benama